

PELESENAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK

A) KAEADAH-KAEADAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK JUALAN) 2007

Sesiapa yang ingin menjual atau menyimpan racun makhluk perosak dengan tujuan menjual, hendaklah mempunyai lesen yang dimaksudkan untuk premis-premis berkenaan. Lesen tidak diperlukan bagi sesiapa yang menyimpan racun makhluk perosak untuk penggunaan sendiri.

a. Objektif

Melesenkan semua premis menjual dan menyimpan racun makhluk perosak:

- bagi memastikan bahawa semua racun makhluk perosak yang dijual, dipamer dan disimpan untuk dijual dalam keadaan yang teratur bagi meminimumkan penyalahgunaan dan pencemaran dari tumpahan dan dengan itu mengurangkan kemudaratan kepada manusia, binatang dan alam sekitar.
- bagi memastikan bahawa hanya racun perosak yang telah berdaftar sahaja dijual atau disimpan di premis berlesen bagi membolehkan pengawasan dibuat ke atas penjualan dan pelupusan racun makhluk perosak tertentu.

B) JENIS-JENIS LESEN

1) Lesen Menjual

Dikeluarkan untuk menjual racun makhluk perosak di premis tersebut dan ia juga merangkumi penyimpanan racun makhluk perosak di premis yang sama. Syarat-syarat untuk lesen ini dibahagikan kepada dua iaitu syarat untuk premis yang menjalankan urusan jualan tanpa memamer atau menyimpan racun makhluk perosak, manakala yang satu lagi adalah untuk premis yang menjual racun perosak dengan memamer dan menyimpan racun perosak di premis tersebut.

2) Lesen Menyimpan

Dikeluarkan hanya untuk menyimpan racun makhluk perosak di premis tersebut dengan maksud untuk dijual. Ia tidak membenarkan pemilik lesen berkenaan berurusniaga di premis tersebut.

C) BAYARAN PERMOHONAN LESEN

BIL	KELAS MAKHLUK RACUN PEROSAK	FI
1	Ia, Ib, II, III, IV	RM 750.00
2	Ia, Ib	RM 500.00
3	II, III, IV	RM250.000